

100 CCTV di Pasar Borong KL

Berita Harian, 24/11/2020, M/S 22

Alat teknologi pengecaman wajah memudahkan penguat kuasa DBKL pantau pendatang haram

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan meningkatkan penguatkuasaan bagi membanteras kegiatan pendatang haram menjalankan perniagaan di Pasar Borong Kuala Lumpur, menerusi pemasangan lebih 100 kamera litar tertutup (CCTV) di sekitar kawasan itu.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata CCTV dilengkapi ciri kecerdasan buatan (AI) dengan teknologi pengecaman wajah itu akan membolehkan kerja pemantauan dan kawalan di dalam dan luar pasar borong di Selayang itu dibuat dengan lebih rapi.

"Kita dapati masih ada peniaga

yang berniaga di tempat terlarang secara curi-curi dengan berniaga di luar pagar pasar borong dan laluan pejalan kaki yang menghalang lalu lintas membabitkan peniaga dalam kalangan pendatang haram.

"Bukan sahaja di dalam pasar borong, CCTV juga dipasang di sekeliling kawasan luar pasar borong untuk pemantauan penguat kuasa DBKL, kita akan terus perbaiki dari semasa ke semasa," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Mural dan Grafiti, di pasar borong itu semalam.

Sementara itu, Annuar berkata, pembinaan kemudahan asrama dengan lebih 200 katil untuk pekerja pasar borong itu siap sepenuhnya dan dijangka boleh digunakan mulai bulan depan.

"Kita akan buka tawaran nanti dan berunding dengan pemegang lesen (peniaga pasar) untuk membahagikan kuota tempat pekerja yang memerlukan kemudahan ini kerana tiada tempat tinggal atau sewa sekarang mahal," katanya.

Beliau berkata, kemudahan itu bakal menawarkan sewa seren-



Annuar melihat lukisan mural dan grafiti di Pasar Borong Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

dah RM150 sebulan, selain memudahkan pekerja pasar untuk berulang-alik ke tempat kerja, sekali gus menarik pekerja tempatan termasuk dari luar ibu negara.

Terdahulu, Annuar meluang-

kan masa kira-kira sejam meninjau transformasi pasar borong itu yang kini lebih selesa, bersih, ceria dan bebas pekerja asing menerusi pelaksanaan penambahbaikan daripada aspek pengurusan dan tadbir urus.

Antara transformasi dan naik taraf yang dilakukan ialah tambahan stesen kerja bilik kawalan, pas pemborong dan pekerja menggunakan imbasan kod QR, pagar, serta kawasan tempat letak motosikal.

BERNAMA